



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
*Malaysian Examinations Council*



# Laporan Peperiksaan **STPM 2023**



## Bahasa Cina (911)



## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 227 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 75.77% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	6.17	3.52	4.41	4.85	17.18	24.67	14.98	4.26	1.89	6.62	11.45

## RESPONS CALON

### Komen am

Secara keseluruhannya, soalan yang dikemukakan menunjukkan tahap pengetahuan kesusasteraan Cina moden dan klasik bagi calon STPM tahun 2023. Kertas soalan ini menguji kebolehan dan psikomotor calon dalam menganalisis soalan-soalan yang berkaitan dengan karya sastera bahasa Cina moden dan klasik. Aras kesukaran kertas soalan secara keseluruhan adalah seperti yang ditentukan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia iaitu meliputi semua tahap Taksonomi Bloom.

Soalan eseai 7(a), 7(b) dan 7(c) memang menguji pengetahuan calon terhadap Sejarah Kesusasteraan Cina Klasik. Soalan eseai 7(a) adalah berkaitan prosa falsafah dan pemikiran Konfusianisme (《论语》). Soalan 7(b) adalah menguji pengetahuan calon terhadap ciri-ciri keistimewaan 19 buah puisi beirama (《古诗十九首》) yang dicipta semasa Dinasti Han. Manakala soalan eseai 7(c) adalah menguji pengetahuan calon tentang kemunculan puisi Tang dinasti. Secara keseluruhan, calon tahun ini kurang mahir dalam menjawab soalan eseai 7(a), 7(b) dan 7(c).

Sebaliknya, calon tahun ini amat baik dalam menjawab soalan struktur 8 dan soalan eseai 9(a), 9(b) dan 9(c). Soalan eseai 9(a) adalah berkaitan isi kandungan utama berkaitan dengan prosa bahasa klasik berjudul Perbincangan Terhadap Penangkap Ular (<捕蛇者说>). Soalan eseai 9(b) adalah meminta calon memberi pandangan tentang situasi dan perasaan penyair terhadap Chang'e (<嫦娥>). Soalan eseai 9(c) meminta calon menganalisis konteks dan emosi puisi Memandang ke kawasan lapangan (<野望>) yang ditulis oleh Du Fu (杜甫). Kebanyakan calon boleh menjawab soalan 8 dan soalan 9 dengan baik.

Kebanyakan calon tahun ini tidak mempunyai pengetahuan dan teknik menjawab seperti memetik isi penting dalam petikan bahasa moden dan membuat komen berdasarkan isi petikan. Sebahagian calon menyalin ayat-ayat utama dalam petikan tanpa membuat perubahan dari segi struktur ayat dan bilangan perkataan, serta kurang mahir dalam menghurai dan mengulas mesej dan maklumat yang disampaikan oleh petikan tersebut. Sebilangan calon mengulas isi penting tanpa mengikut susunan perenggan dalam petikan.

## **Komen soalan demi soalan**

### **BAHAGIAN A**

#### **Soalan 1**

Soalan ini merupakan soalan yang mudah difahami. Calon diminta memberi pandangan terhadap prosa berjudul Bayang Belakang (<背影>) yang ditulis oleh Zhu Ziqing (朱自清). Kebanyakan calon boleh menjawab soalan ini berdasarkan kefahaman mereka terhadap isi kandungan teks ini dan mengulas pandangan mereka.

#### **Soalan 2**

Soalan ini meminta calon menguji penjelasan pelajar dalam menerangkan bentuk karya sastera yang dicipta dengan seni penulisan imaginatif atau bukan realiti berpandukan contoh yang diberikan dalam teks. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan membuat bandingan terhadap bentuk novel yang dihasilkan dengan teknik penulisan yang berbeza dengan contoh.

#### **Soalan 3**

Soalan ini menguji kemantapan pelajar dalam membuat komen tentang pengikut Franz Kafka bagaimana mereka boleh menyelesaikan masalah atau kesukaran apabila logik bertembung dengan penulisan bukan realiti. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini. Jawapan soalan ini menghendaki calon memberi komen dengan cara penulisan bukan realiti yang diaplikasi oleh pengikut Kafka dan persoalan logik karya sastera yang dicipta. Jawapan yang diberi sepatutnya melibatkan aspek kognitif dan afektif pada aras yang tinggi. Kekurangan kemahiran taksonomi aras tinggi ini mengakibatkan kebanyakan calon tidak dapat memberi jawapan yang tepat bagi soalan ini.

#### **Soalan 4**

Soalan ini menguji calon membuat penilaian terhadap penulis yang menggunakan nama sebenar untuk menerbitkan karya sastera ciptaannya. Sekira perkara yang dikisahkan dalam karya tersebut tidak realistik, kesan dan pengaruh negatif akan muncul sehingga mempengaruhi nama baik penulis tersebut. Calon diminta memberi penilaian terhadap penulis menggunakan seni penulisan tidak realistik untuk mengisahkan isi kandungan prosa yang diciptakan olehnya. Kebanyakan calon juga, tidak dapat membuat penilaian yang relevan dan tepat dengan jawapan yang dikehendaki oleh soalan ini, terutama dalam menilai pengaruh negatif terhadap nama penulis prosa yang sebenar. Penulis prosa diminta mengikuti seni penulisan realiti atau kisah benar.

Secara keseluruhan, prestasi calon dalam menjawab keempat-empat soalan 1, 2 dan 3 di Bahagian A adalah memuaskan. manakala jawapan calon bagi soalan 4 kurang memuaskan.

### **BAHAGIAN B**

Soalan dalam bahagian B memerlukan calon memetik isi penting dalam setiap perenggan dalam petikan bahasa moden mengikut susunan dan membuat ulasan dan komen. Prestasi calon dalam menjawab soalan ini tidak memuaskan.

Terdapat sebilangan kecil calon menyalin ayat-ayat petikan tanpa mengubah struktur ayat dan bilangan perkataan. Petikan ini agak jelas dan mudah tetapi calon masih salah memetik isi utama dalam setiap perenggan. Calon juga kurang mahir dengan teknik menjawab soalan ini.

## **BAHAGIAN C**

Terdapat dua soalan dalam bahagian ini, iaitu soalan 6 yang berbentuk soalan berstruktur, ia mempunyai 6 soalan dan calon perlu menjawab 5 soalan daripadanya.

Prestasi calon tahun ini dalam menjawab soalan 6 adalah kurang memuaskan.

### **Soalan 6**

Soalan 6(a) adalah berkaitan dengan cerita bahasa Cina klasik mengisahkan hal-hal bersejarah dan kelakuan wira (英雄).

Soalan 6(b) adalah berkaitan dengan pengaruh *Zuo Chuan* (《左传》) terhadap *Shangshu* (《尚书》), *Chunqiu* (《春秋》), *Zhanguo Ce* (《战国策》) dan *Shiji* (《史记》).

Soalan 6(c) adalah mengenai kaedah penulisan pengrekodan orang berkepentingan (纪传体) yang dicipta oleh Sima Qian (司马迁) dalam karya prosa sejarah yang berjudul *Shiji* (《史记》).

Soalan 6(d) adalah mengenai penghargaan dan status sosial kesusasteraan Cina (文学) bermula dari karya sastera dinasti Weijin Nanbei (魏晋南北朝).

Soalan 6(e) adalah berkaitan dengan pengaruh cerpen *Chuanqi* (传奇) terhadap cerpen bahasa Cina klasik.

Soalan 6(f) adalah berkenaan dengan Gerakan Bahasa Cina Klasik yang dianjurkan oleh Han Yu (韩愈) dan Liu Zongyuan (柳宗元) bertujuan untuk menentang karya sastera *pianwen* (骈文).

### **Soalan 7**

Soalan 7 adalah berbentuk esei, terdapat 3 soalan pilihan. Calon diminta menjawab salah satu soalan dari tiga soalan pilihan:

Soalan 7(a) meminta calon mengulas ciri-ciri keistimewaan karya sastera Konfusianisme (《论语》) sebagai karya prosa pemikiran yang dihasilkan pada tempoh permulaan perkembangan kesusasteraan Cina klasik. Bagi menjawab soalan ini, pengetahuan yang diulaskan oleh calon termasuk (i) Latar belakang dan tempoh masa karya sastera Konfusianisme (《论语》) dihasilkan; (ii) Ciri-ciri keistimewaan karya sastera Konfusianisme sebagai prosa pemikiran; dan (iii) Ulasan calon terhadap karya prosa Konfusianisme berkaitan dengan konsep dan pemikiran Konfusianisme yang disampaikan oleh Kong Fuzi (孔夫子) dan pelajarnya.

Soalan 7(b) meminta calon mengulas isi kandungan dan perasaan yang disampaikan oleh 19 Puisi Klasik (《古诗十九首》). Jawapan yang diulas oleh calon termasuk: (i) Latar belakang tentang penghasilan 19 buah Puisi Klasik; (ii) Isi kandungan utama tentang 19 buah Puisi Klasik; (iii) Perasaan yang disampaikan oleh penyair dalam Puisi Klasik tentang kehidupan rakyat, kasih sayang dan keadaan realiti masyarakat pada tempoh masa tersebut.

Soalan 7(c) menghendaki calon mengulas faktor dan sebab kemakmuran puisi Tang. Jawapan yang ditulis oleh calon termasuk: (i) Latar belakang tentang kemunculan puisi Tang; (ii) Faktor dan sebab kemakmuran puisi Tang; dan (iii) Membincang dan memberi komen tentang kemakmuran puisi dalam dinasti Tang dan implikasinya terhadap perkembangan puisi klasik.

Secara keseluruhannya, pencapaian calon dalam menjawab Soalan 7 adalah lemah. Ini menunjukkan calon tidak mempunyai pengetahuan yang mantap untuk mengulaskan isu-isu berkaitan dengan ciri-ciri prosa pemikiran Konfusianisme, isi kandungan, dan perasaan yang disampaikan oleh 19 buah Puisi Klasik, faktor serta sebab kemakmuran puisi Tang.

## **BAHAGIAN D**

### **Soalan 8**

Soalan 8 terdapat 5 soalan struktur, iaitu 8(a), 8(b), 8(c), 8(d) dan 8(e), calon dikehendaki menjawab semua soalan. Soalan ini adalah berkaitan dengan asas pengetahuan Teks Kesusasteran Cina Klasik I. Bentuk soalan ini berkaitan dengan perwatakan dan imej, makna kosa kata, petikan ayat dan gaya retorik puisi.

Soalan 8(a) berkaitan dengan imej semulajadi yang terdapat karya sastera Sungai Musim Luruh (<秋水>) iaitu Tuhan Sungai (河神) dan Tuhan Laut (海伯). Soalan telah memberi contoh Tuhan Sungai Luruh, calon dikehendaki menulis Tuhan Laut (海伯).

Soalan 8(b) berkaitan dengan penjelasan makna kosa kata yang digaris dalam ayat puisi di bawah:  
思念故乡, 郁郁累累。(《乐府·悲歌》)

Kosa kata “郁郁” bermakna perhimpunan rasa sedih (愁闷的样子) dalam mengenangi kampung adalah sangat banyak dan dalam.

Soalan 8(c) berkaitan dengan ayat puisi berjudul Mujiangyin (<暮江吟>) yang dicipta oleh pensyair bernama Bai Juyi (白居易). Soalan ini telah memberi ayat baris pertama iaitu “一道残阳铺水中”, calon diminta menulis ayat baris kedua yang tertinggal iaitu “半江瑟瑟半江红”. Soalan ini menguji kehafalan calon terhadap puisi Cina klasik terpilih dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Cina.

Soalan 8(d) berkaitan dengan cara retorik yang diaplikasi oleh pensyair Cen Shen (岑参) dalam menulis ayat puisi “双袖龙钟泪不干”. Jawapan ialah cara retorik keterlaluan (夸张).

Soalan 8(e) berkaitan dengan image hero (将军) dalam puisi berjudul Menyaksi Pemburuan (<观猎>) yang ditulis oleh penyair Tu Fu (杜甫).

Secara keseluruhan, pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah memuaskan.

### **Soalan 9**

Bagi soalan 9, terdapat 3 soalan pilihan, soalan eseи 9(a), 9(b), dan 9(c). Calon diminta menjawab salah satu soalan eseи sahaja.

Soalan 9 (a) menghendaki calon menghurai isi kandungan utama dalam prosa ”Tuan yang Menangkap Ular” (<捕蛇者说>) yang ditulis oleh Liu Zongyuan (柳宗元). Jawapan yang dihurai oleh calon termasuk: (i) Perbandingan kebaikan menangkap ular dan membayar cukai tahunan dari hasil pertanian; (ii) Sebab-sebab penangkap ular tidak memilih kaedah membayar cukai tahunan; (iii) Kejadian buruk yang telah berlaku kepada jiran kampung penangkap ular yang memilih keadah pembayaran cukai tahunan; (iv) Menghurai implikasi dan ajaran yang diperolehi oleh calon dari pengalaman hidup yang dialami oleh penangkap ular dan juga pandangan penulis prosa terhadap perkara ini. Majoriti calon dapat memberi jawapan yang memuaskan bagi soalan eseи ini.

Soalan 9(b) menghendaki calon menghendaki calon menghurai keadaan dan perasaan Chang'e dalam puisi berjudul "Chang'e" (<嫦娥>) yang ditulis oleh pensyair Li Shangyin (李商隱). Jawapan yang dihuraikan oleh calon termasuk: (i) Latar belakang pensyair mencipta puisi ini; (ii) Imej Chang'e yang dicipta oleh pensyair dan implikasinya; (iii) Isi kandungan utama puisi dan hubungannya dengan pengalaman hidup pensyair; (iv) Keadaan dan perasaan Chang'e selepas beliau mencuri makan ubat tidak akan mati, kemudian terbang ke Istana Bulan dan hidup persendirian di kediaman langgit; (v) Menghurai implikasi dan ajaran yang diperolehi dari kejadian yang berlaku kepada Chang'e. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan memuaskan.

Soalan 9(c) Meminta calon menghuraikan pemikiran dan perasaan pensyair yang disampaikan dalam puisi Memandang ke Kawasan Lapangan (<野望>) yang ditulis oleh Du Fu (杜甫). Jawapan yang dihuraikan oleh calon termasuk: (i) Latar belakang pensyair menulis Memandang ke Kawasan Lapangan; (ii) Isi kandungan utama dan perasaan yang disampaikan oleh puisi ini; (iii) Implikasi puisi ini kepada calon. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan memuaskan.

Secara keseluruhan, calon boleh menjawab semua soalan eseи dengan memberi jawapan yang relevan dan betul. Majoriti calon dapat menguasai pengetahuan dan teknik menjawab teks pilihan bahasa Cina klasik kerana teks ini dapat diulangkaji oleh mereka sebelum peperiksaan dan mereka mempunyai masa untuk membuat penyediaan.

## RUMUSAN DAN CADANGAN

1. Aktiviti dan strategi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina harus memberi perhatian dan usaha pada Taksonomi beraras tinggi. Keperluan Taksonomi beraras tinggi boleh membantu calon menjawab soalan berbentuk huraian, memberi komen dan membuat penilaian. Bentuk soalan berdasarkan Taksonomi beraras tinggi akan muncul pada soalan kefahaman, ulasan petikan bahasa Cina moden, ulasan terhadap isu-isu perkembangan kesusasteraan Cina klasik dan soalan eseи teks pilihan bahasa Cina klasik.
2. Calon dikehendaki menguasai teknik menjawab soalan ulasan petikan bahasa Cina moden. Teknik menjawab soalan ini dibahagi kepada dua jenis teknik. Teknik menjawab pertama ialah calon diminta memetik isi kandungan penting dalam setiap perenggan dalam petikan mengikut susunan perenggan. Calon dilarang menyalin ayat sepenuhnya dari perenggan tersebut. Teknik memetik bermaksud calon diminta memetik isi kandungan yang penting dalam perenggan, kemudian meminda atau membina ayat tersebut semula berdasarkan kosa kata atau ayat pendek yang dipetik. Menyalin semula ayat dari petikan bukanlah teknik memetik, manakala ialah teknik menyalin. Kosong markah akan diberi kepada setiap ayat yang disalin secara bulat-bulat oleh calon dalam menjawab soalan ini. Teknik menjawab kedua ialah calon diminta memberi komen terhadap isi kandungan penting yang telah dipetik dari setiap perenggan mengikut susunan dalam petikan. Komen yang diberi oleh calon boleh terdiri dari pandangan, kritikan dan cadangan terhadap isu-isu utama yang dipetik dari setiap perenggan dalam petikan.
3. Calon diminta memantap pengetahuan tentang perkembangan kesusasteraan Cina klasik dari aspek latar belakang sasterawan tersohor, karya sastera terkenal, ciri-ciri keistimewaan karya sastera seperti cara penulisan, cara retorik, nilai estetika, dan gaya bahasa yang diaplikasi untuk menghasilkan karya sastera.

4. Cara menjawab soalan eseai soalan 7 dan 9 harus ditambahbaik dari segi ulasan fakta berdasarkan contoh yang tepat dan bukti yang kukuh. Kebanyakan fakta dan bukti ini melibatkan penghafalan calon terhadap ayat-ayat karya sastera klasik yang ditanya. Dengan itu, untuk menjawab soalan eseai dengan baik, calon diminta membaca dan memahami teks pilihan yang disenaraikan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Cina STPM, perlu menguasai cara mengulas dan memberi komen terhadap isi kandungan utama, cara penulisan dan nilai estetika yang disampaikan dalam teks pilihan.
5. Calon juga perlu menguasai cara penulisan aksara Cina dan tatabahasa bahasa Cina yang betul dan tepat dalam menjawab soalan. Kesilapan dalam menulis aksara Cina dijumpai dalam skrip jawapan calon. Ayat yang salah tatabahasa bahasa Cina juga terjumpa dalam skrip jawapan mereka. Pengulasan calon juga mengandungi kosa kata yang kurang sesuai. Ini juga akan menjelaskan tahap penguasaan dan kemahiran bahasa Cina calon. Kelemahan ini haruslah diatasi melalui penambahan penulisan aksara Cina melalui penulisan karangan dan eseai supaya kesilapan calon yang diterangkan di atas dapat dikurangkan.

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 214 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 79.44% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
<b>Peratusan</b>	14.02	6.07	7.01	11.68	13.08	15.42	12.15	7.94	3.74	3.74	5.14

## RESPONS CALON

### Komen am

Soalan yang dikemukakan adalah mencerminkan tahap pengetahuan terhadap pengetahuan bahasa dan linguistik Cina, penggunaan bahasa, kefahaman terhadap teks bahasa Cina klasik dan kesusasteraan Cina klasik (II) bagi calon STPM tahun 2023. Kertas ini juga boleh menguji kebolehan dan psikomotor calon kertas ini dalam menganalisis soalan-soalan yang berkaitan dengan bahasa dan linguistik, karya sastera bahasa Cina klasik II dan penggunaan bahasa Cina, soalan-soalan yang dikemukakan dalam kertas peperiksaan ini adalah bersesuaian dengan calon peringkat STPM, terutamanya soalan kefahaman teks bahasa Cina klasik dan alih bahasa yang dijawab oleh calon kita pada tahun ini.

Aras kesukaran kertas soalan secara keseluruhan adalah seperti mana yang ditentukan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia iaitu meliputi semua tahap Taksonomi Bloom. Calon mahir dalam menjawab soalan 11 iaitu Alih Bahasa, lemah dalam menjawab soalan 2 dan 5 Bahagian A Kajian Bahasa dan Linguistik, dan soalan 12 dan soalan 13 Kefahaman Teks Bahasa Cina Klasik. Hal ini menunjukkan prestasi calon dalam menjawab soalan kertas ini pada keseluruhannya adalah sederhana, manakala prestasi calon kita dalam menjawab soalan esei 16(b), 16(c), 18(a) dan 18(b) adalah kurang memuaskan.

Soalan 1 hingga soalan 10 merupakan soalan-soalan berkaitan dengan pengetahuan bahasa dan linguistik Cina, min markah yang paling tinggi diperolehi oleh calon kita adalah soalan 9, di mana min markah adalah 0.87, ini bermakna hampir keseluruhan calon kita dapat menjawab soalan ini dengan betul. Kebanyakan calon didapati masih tidak menguasai pengetahuan tatabahasa ayat majmuk bahasa Cina terutama tatabahasa berkaitan dengan struktur ayat majmuk selari (并列复句). Calon kita juga didapati lemah dalam menjawab Soalan 2, iaitu pengetahuan tentang kata tunggal.

Calon kali ini lemah dalam menjawab soalan satu soalan 12 dan 13 dalam Bahagian C Kefahaman Teks Bahasa Cina Klasik. Kelemahan calon dalam menjawab soalan 12 dan 13 adalah kerana mereka kurang berpengetahuan tentang isi kandungan dan makna pembendaharaan kata teks bahasa Cina klasik.

Min markah yang diperolehi oleh keseluruhan calon kita dalam menjawab soalan 11 adalah baik. Ini menunjukkan calon mahir dalam menjawab soalan alih bahasa.

Penguasaan penggunaan bahasa klasik calon kita adalah kurang memuaskan, ramai di antara mereka kurang memahami makna kosa kata bahasa Cina klasik, ini menyebabkan mereka tidak boleh menjawab soalan 12 dan 13 dalam Kefahaman Teks Bahasa Cina Klasik dengan baik.

### **Komen soalan demi soalan**

#### **Soalan 1**

Soalan 1 menghendaki calon kita mengenal pasti aksara Cina yang mempunyai sebutan Bahasa Cina yang betul, iaitu B 静谧 [mì].

#### **Soalan 2**

Soalan 2 menghendaki calon kita mengenal pasti jawapan yang bukan kata tunggal, jawapan yang betul ialah C “婴儿”.

#### **Soalan 3**

Soalan 3 menghendaki calon mengenal pasti kosa kata yang mempunyai struktur yang sama, jawapan yang betul ialah D “并列”.

#### **Soalan 4**

Soalan 4 menghendaki calon mengenal pasti struktur tatabahasa ayat majmuk “虽然志华资质不高，但他还是很功读书”，jawapan yang betul ialah “转折复句”。

#### **Soalan 5**

Soalan 5 menghendaki calon mengenal pasti struktur tatabahasa ayat majmuk “晓珍的父亲不是不答应她出国深造的要求，而是没能力负担那一笔庞大的费用”，jawapan yang betul ialah “并列复句”。

#### **Soalan 6**

Soalan 6 menghendaki calon mengenal pasti struktur tatabahasa ayat majmuk “与其在这里呆等，不如我们先出发”，jawapan yang betul ialah C “选择复句”。

#### **Soalan 7**

Soalan 7 menghendaki calon mengenal pasti komponen tatabahasa yang digariskan dalam ayat majmuk ini “昨天下午，一向严厉的父亲狠狠批评了撒谎的弟弟”。 Jawapan yang betul ialah C “状语”。

#### **Soalan 8**

Soalan 8 menghendaki calon mengenal pasti cara retorik ayat majmuk ini “你们不要担心，尽管事情还未准备周全，不过船到桥头自然直，见一步走一步吧。” Cara retorik yang digunakan dalam ayat ini ialah “引用”。

### **Soalan 9**

Soalan 9 menghendaki calon mengenal pasti cara retorik bagi ayat tunggal ini “勤学好问怎么会是错误的呢？” Cara retorik ayat ini ialah “反问”。

### **Soalan 10**

Soalan 10 menghendaki calon mengenal pasti cara retorik bagi ayat majmuk “这些绝望的人们已经不会高声朗笑，不会拼死搏击，不会背水一战了”， Jawapan yang betul ialah 排比。

## **BAHAGIAN B**

### **Soalan 11**

Soalan 11 meminta calon mengalih sebuah puisi bahasa Cina Moden yang bertema “Cita-cita” (<理想>) kepada prosa bahasa Cina moden. Puisi ini dicipta oleh Mu Dan (穆旦). Markah penuh bagi soalan ini adalah 15. Pencapaian calon dalam menjawab soalan ini adalah memuaskan. Kebanyakan calon kita dapat:

- (i) menguasai teknik penulisan untuk mengalih bentuk dan mengembangkan ayat puisi kepada bentuk prosa.
- (ii) memahami tema utama dan isi tersurat dan tersirat dalam puisi ini.
- (iii) hanya sebilangan kecil calon menyalin beberapa ayat puisi tanpa mengembangkan isi kandungan yang asal.
- (iv) juga terdapat sebilangan calon tidak menggunakan kosa kata yang tepat untuk mengalihkan ayat puisi kepada prosa.

Dengan kelemahan ini, sebahagian calon tidak dapat memperolehi markah yang tinggi dalam menjawab soalan ini.

Cadangan untuk menambahbaik teknik alih bahasa calon adalah seperti berikut:

- (i) Guru bahasa Cina haruslah maklum kepada pelajar markah alih bahasa akan dibahagikan kepada markah alih ayat puisi asal tanpa terkeluar dari makna ayat asal puisi dan markah untuk mengembangkan isi kandungan ayat puisi.
- (ii) Pelajar haruslah dinasihat supaya tidak mengalihkan ayat puisi ini dengan mencipta sebuah prosa yang mengandungi isi kandungan yang baharu dan lari dari tema puisi yang asal.
- (iii) Penggunaan kosa kata dan tatabahasa bahasa Cina yang tepat dan sesuai dengan konteks prosa adalah penting dalam alih bahasa.

## **BAHAGIAN C**

Bahagian C ialah Kefahaman Teks Bahasa Cina Klasik. Bahagian ini mengandungi tiga soalan kefahaman iaitu soalan 12, 13, dan 14.

Soalan 12, 13, dan 14 adalah menguji pengetahuan dan kefahaman calon terhadap teks bahasa klasik yang berjudul Rakyat Chu Menyumbang Ikan (<楚人献鱼>) ditulis oleh Liu Xiang (刘向), makna perkataan dalam ayat teks bahasa klasik dan kebolehan calon menterjemahkan ayat bahasa Cina klasik kepada bahasa Cina moden.

### **Soalan 12**

Soalan 12 meminta calon menerangkan tema utama dalam petikan teks bahasa klasik ini yang berjudul “Rakyat Chu Menyumbang Ikan”. Jawapan yang diberi oleh calon termasuk implikasi yang diperolehi oleh Raja Chu dari sumbangan yang diberikan oleh rakyat Chu, Raja Chu haruslah mengedar makanan lebihan yang disimpan dalam stok di istana dan membebaskan pelayan wanita yang tidak diperlukan di istana supaya mereka boleh balik ke rumah dan berkahwin dengan rakyat Chu yang masih bujang.

### **Soalan 13**

Soalan 13 meminta calon menghuraikan tindak balas pegawai Raja Chu terhadap sumbangan ikan yang diberikan oleh rakyat Chu dan ajaran yang diterima oleh Raju Chu dari sumbangan ini. Jawapan bagi soalan ini termasuk pandangan pegawai Raju Chu terhadap rakyat Chu yang menyumbang ikan, cara pentadbiran yang bijaksana yang harus dilakukan oleh Raju Chu, cara pentadbiran yang dilakukan oleh raja yang boleh memusnahkan negara, tindakan kebijaksanaan rakyat Chu untuk menyedarkan Raju Chu supaya baginda boleh melaksanakan tindakan menderma makanan yang lebihan kepada rakyat yang menghadapi kelaparan, dan lelaki bujang dapat berkahwin dengan pelayan wanita yang dibebaskan dari istana.

### **Soalan 14**

Soalan 14 menguji kefahaman dan teknik terjemahan calon terhadap ayat bahasa Cina klasik di bawah:

- (a) 楚人有献鱼楚王者，曰：“今日渔获，食之不尽，卖之不售，弃之又惜，故来献也。”  
2 markah akan diberi kepada jawapan yang diterjemah dengan betul dalam kosa kata yang digariskan dalam ayat terjemahan, iaitu: (i) 渔获: 捕获的鱼 (0.5 markah); (ii) 食之不尽 (吃不完, 0.5 markah); (iii) 卖之不售 (卖不出; 0.5 markah); (iv) 弃之又惜 (丢掉又可惜, 0.5 markah).
- (b) 于是乃遣使恤鳏寡而存孤独：出仓粟，发币帛而赈不足；罢去后宫不御者，出以妻鳏夫。3 markah akan diberi kepada jawapan yang diterjemah dengan betul dalam kosa kata yang digariskan dalam ayat bahasa klasik berikut, iaitu: (i) 遣使 (派遣使者, 0.5 markah); (ii) 恤 (抚恤, 0.5 markah) (iii) 存 (使存活, 0.5 markah); (iv) 赈不足 (救济不够食物的人民, 0.5 markah); (v) 罢 (罢免, 释放, 0.5 markah); (vi) 妻 (嫁给, 0.5 markah).

## **BAHAGIAN D**

Bahagian D adalah soalan berkaitan dengan Sejarah Kesusastraan Cina Klasik. Bahagian ini mengandungi dua soalan iaitu soalan 15 dan 16.

### **Soalan 15**

Soalan 15 merupakan soalan kecil tentang Sejarah Kesusastraan Cina Klasik II. Walaupun soalan-soalan 15(a), 15(b), 15(c), 15(d), 15(e), dan 15 (f) merupakan soalan-soalan mudah dan sederhana, namun mereka masih tidak dapat memperolehi pengetahuan untuk menjawab soalan-soalan ini dengan betul dan tepat.

Soalan 15(a) meminta calon menulis sasterawan yang menjadi pemimpin bagi Revolusi Kesusastraan Dinasti Song, beliau juga merupakan Sasterawan Agung yang mencipta prosa, puisi dan Ci. Jawapan ialah Ouyang Xiu (欧阳修).

Soalan 15(b) jenis karya sastera yang paling penting dalam novel yang dicipta dalam dinasti Song bukanlah fiksyen kisah misteri, ghaib, dan lagenda, manakala ialah karya yang ditulis oleh rakyat iaitu novel vernakular (白话小说).

Soalan 15(c) Drama dinasti Yuan boleh dibahagikan kepada dua kategori, kategori pertama ialah skrip drama muzik (杂剧) yang berasal dari utara negara China, kategori kedua ialah skrip drama yang berasal dari Selatan China (南戏).

Soalan 15(d) Aliran Gongan (公安派) dinasti Ming berpendapat kesusasteraan adalah berkembang, ahlinya menentang cara peniruan, bersetuju meluahkan perasaan hati dan tidak tersekut dengan format penulisan yang tradisi.

Soalan 15(e) Kisah Cerita Tiga Kerajaan (《三国演义》) ialah novel bersejarah yang paling baik dan terkenal di Negara China.

Soalan 15(f) Novel *Dream of Red Mansions* (《红楼梦》) melalui aktiviti dalaman dan luaran keluarga Jia, Wang, Xue dan beberapa keluarga yang mewah untuk mengisah sejarah dan kejatuhan keluarga feudalisme.

## **Soalan 16**

Terdapat 3 pilihan soalan eseai di soalan 16. Calon dikehendaki memilih dan menjawab salah satu soalan sahaja. Setiap soalan eseai ialah 15 markah.

Soalan 16(a) meminta calon menghurai faktor-faktor mengakibat karya berirama “Song Ci” (宋词) makmur dalam Dinasti Song. Jawapan yang diulas oleh calon termasuk: (i) Kehendak persekitaran masyarakat; (ii) Perkembangan bentuk karya sastera Ci (词) dan (iii) Pengaruh unsur politik di dinasti Song.

Soalan 16(b) meminta calon menghurai watak dan perwatakan novel *Shuihuzhuan* (《水浒传》). Jawapan bagi soalan ini termasuk cara penulisan perwatakan atau imej dalam novel ini dan sikap watak mereka.

Soalan 16 (c) meminta calon menghurai pandangan Liu Dajie (刘大杰) terhadap penggunaan cara retorik sindiran dalam novel Rulin Waishi (《儒林外史》). Jawapan bagi soalan ini termasuk: (i) Latar belakang sosial penulisan novel ini; (ii) Realisme dan retorik sindiran dalam karya sastera; (iii) Ciri-ciri keistimewaan watak dan perwatakan dalam novel.

## **BAHAGIAN E**

### **Soalan 17**

Soalan 17 ialah soalan struktur tentang Teks Pilihan Kesusasteraan Cina Klasik II. Walaupun soalan-soalan 17(a), 17(b), 17(c), 17(d) dan 17(e) merupakan soalan-soalan mudah, namun calon masih tidak dapat memperolehi pengetahuan untuk menjawab soalan-soalan ini dengan betul dan tepat.

Soalan 17(a) Prosa berirama Chibi Fu (<赤壁赋>) menggunakan cara tanya dan jawap tuan dan tetamu untuk menulis perasaan penulis berperahu pada malam bulan, mengenang isu bersejarah serta berasa sedih terhadap keadaan semasa, sehingga pemikirannya dapat dibebas dari gangguan emosinya. Jawapan bagi soalan ini ialah “主客”.

Soalan 17(b) meminta calon menulis cara retorik bagi ayat puisi yang ditulis oleh Yang Wanli berjudul “Chunqing huai guyuan haitang” (<春晴怀故园海棠>) iaitu “万物皆春人独老”. Jawapan ialah cara retorik bandingan (对比) atau kontra (反衬).

Soalan 17(c), calon diminta mengisi ayat yang tertinggal dalam karya berirama Liu Yong berjudul Basheng Ganzhou (<八声甘州>): “对潇潇暮雨洒江天，\_\_\_\_\_。渐霜风凄紧，关河冷落，残照当楼。” Jawapan bagi soalan ini ialah “一番洗清秋”。

Soalan 17(d), calon diminta memberi makna bagi perbendaharaan kata yang digariskan dalam karya berirama Zhang Kejiu (张可久): “翠袖殷勤，金杯错落，玉手琵琶”。(<折桂令·九日>) Jawapan bagi soalan ini ialah penyanyi “歌女” di restoran arak.

Soalan 17(e), calon diminta menulis makna tersirat dalam ayat fiksyen “Orang tua menangkap harimau” yang ditulis oleh Ji Yun (纪昀) iaitu Orang tua berkata beliau melatih tangan dan matanya selama 10 tahun “老翁自言炼臂十年，炼目十年”。Ayat ini bermaksud kemahiran diperolehi dari kekerapan membuat latihan, kejayaan diperolehi melalui keazaman yang kuat “(坚持不懈/功到自然成)”。

Prestasi calon dalam menjawab soalan 17 adalah kurang memuaskan berdasarkan pencapaian min markah soalan ini.

## Soalan 18

Terdapat tiga pilihan soalan eseai dalam Bahagian E, iaitu 18(a), 18(b), dan 18(c) calon dikehendaki memilih salah satu soalan untuk menjawab.

18(a) Calon diminta menghurai pandangan Fang Xiaoru (方孝孺) “Kenapa Yu Rang (豫让) tidak bersyarat diberi gelaran sebagai wira negara?” Jawapan bagi soalan ini termasuk: (i) Perangai dan sikap seorang perani negara dari pandangan Konfusianisme; (ii) definasi seorang wira negara dan contohnya seperti Duan Gui (段规) dan Ren Zhang (任章) serta Xi Ci (郤疵), kejujuran mereka kepada tuannya sehingga boleh mengadai nyawanya dalam menasihati tuannya yang melakukan kesalahan, dan membantu tuannya mengatasi masalahnya; (iii) perbandingan tingkah laku, sikap dan tindakan Yu Rang dengan wira negara dalam memberi nasihat kepada tuan masing-masing, sikap rela mengorbankan nyawa sendiri untuk menyelamatkan nyawa tuan.

18(b) Calon diminta menghurai cara penulisan seni karya berirama Ouyang Xiu (欧阳修) berjudul “Tasuoxing - Houguan Meican” (<踏莎行·候馆梅残>). Jawapan bagi soalan ini termasuk: (i) Kesedihan pensyair dalam perjalanan; (ii) Kesedihan isteri yang menunggu kepulangan suaminya di kampung; (iii) Pemandangan musim bunga berbanding kesunyian pensyair dalam perjalanan; (iv) Bagaimana pemandangan semulajadi boleh membangkitkan imaginasi penyair terhadap kesedihannya; (v) Cara penulisan imaginasi dan perumpamaan digunakan untuk menyifat kesedihan penyair yang lama meninggalkan kampungnya.

18(c) Calon diminta menghurai pemikiran dan perasaan karya berirama Zhang Yanghao (张养浩) yang berjudul “Shanpo yang - Tongguan Huaigu” (<山坡羊·潼关怀古>). Jawapan bagi soalan ini termasuk: (i) Penulis mendaki Tongguan dan mengenang peristiwa sejarah yang telah berlaku di tapak ini; (ii) Penulis menggunakan pemandangan Tongguan untuk mengeluarkan perasaan beliau tentang pemandangan semulajadi dan tapak peperangan yang telah berlaku di Tongguan; (iii) Tapak bersejarah, istana, bandar ibukota raja dari pelbagai dinasti pernah dibina di tapak ibu kota negara China tetapi sekarang semua telah dimusnahkan dalam peperangan; (iv) Penderitaan yang dialami oleh rakyat walaupun dalam masa kemakmuran atau keturunan sesuatu dinasti. Nasib rakyat tetap seksa tidak dapat diubah.

Pencapaian calon kita dalam menjawab soalan eseai 18(a), 18(b) dan 18(c) adalah memuaskan.

## **RUMUSAN DAN CADANGAN**

1. Pengetahuan calon terhadap perbezaan antara morfem (语素), kosa kata tunggal (单纯词), dan kosa kata majmuk (合成词) hendak dimantapkan. Sebahagian calon tidak dapat membezakan ciri-ciri keistimewaan ketiga-tiga jenis unit tatabahasa bahasa Cina.
2. Calon juga didapati lemah dalam mengenalpasti struktur tatabahasa ayat majmuk bahasa Cina.
3. Calon juga didapati kurang memahami isi kandungan dan makna perbendaharaan kata teks bahasa Cina klasik. Kelemahan ini menyebabkan mereka tidak dapat menterjemahkan kosa kata bahasa Cina klasik dengan kosa kata bahasa Cina moden, serta menjawab soalan kefahaman bahasa Cina klasik dengan betul dan tepat. Guru bahasa Cina tingkatan enam dicadangkan memantapkan pengetahuan calon melalui pembacaan teks bahasa Cina klasik dan memperkenalkan kata makna asas dan kata makna berkembang perbendaharaan kata bahasa Cina klasik melalui kamus bahasa Cina klasik.

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 212 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 85.85% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	35.38	6.13	3.77	0.94	15.57	13.68	10.38	2.36	0.00	3.30	8.49

## RESPONS CALON

### Komen am

Pada keseluruhannya, pencapaian prestasi calon adalah memuaskan dan lebih kurang bersamaan dengan tahun 2022, di mana min tahun ini adalah 50.467 dibanding dengan 50.63 pada tahun lepas. Secara amnya, mutu jawapan calon memuaskan, kecuali Bahagian B (Soalan 5 dan 6 yang berkaitan dengan Sejarah Kesusastraan Cina Moden, jumlah markah ialah 15) di mana kebanyakan calon tidak dapat memberi jawapan yang tepat dan lengkap. Dalam bahagian A, iaitu penulisan karangan, prestasi adalah memuaskan, secara keseluruhannya, calon dapat menguasai gaya bahasa yang lancar dalam penyampaian isi pendapat. Dalam bahagian C, iaitu soalan 7 dan 8 yang berkaitan dengan teks-teks pilihan sastera moden, prestasi calon juga adalah memuaskan.

### Komen soalan demi soalan

#### BAHAGIAN A: Esei (Pilih 1 daripada 4 soalan)

Tugasan soalan: Panjang eseи yang dihasilkan perlu mencapai 1000 aksara. Penilaian markah bagi keempat-empat karangan di atas adalah berdasarkan 3 aspek, iaitu: (i) isi kandungan karangan; (ii) penggunaan bahasa dan gaya penulisan karangan, dan (iii) struktur karangan.

Prestasi calon bagi soalan 1, 2 dan 3 dalam topik eseи adalah hampir sama, tetapi prestasi soalan 4 lebih lemah. Kebanyakan calon telah memilih soalan 1 yang berkaitan dengan peristiwa kemalangan basikal lajak yang telah berlaku pada tahun 2017, hal ini mungkin kerana topik tersebut masih hangat pada tahun 2022. Jumlah calon yang menjawab soalan 2, 3 dan 4 adalah lebih kurang sama. Prestasi soalan 4 yang lemah sedikit mungkin disebabkan calon tidak dapat menguasai konsep *zaiqiong buneng qiongjiaoyu* (再窮不能窮教育) yang bermaksud “Walaupun dalam kesempitan, pendidikan tidak boleh diabaikan.” dengan tepat.

Secara amnya, menulis karangan merupakan bahagian yang diperuntukkan dengan markah yang tertinggi dalam Kertas 3 Bahasa Cina STPM. Calon yang memperolehi gred A dalam bahagian ini mempunyai kompetensi bahasa yang tinggi, ayatnya lancar, gaya bahasa cantik, dan menunjukkan kematangan. Isi-isi yang disampaikan juga sesuai dan tepat. Istilah-istilah yang digunakan juga tepat dan jelas. Retorik yang diaplikasikan juga sesuai dengan isu-isu yang dibentangkan.

### **Soalan 1**

Tajuk eseи ini adalah berkenaan dengan “peristiwa kemalangan basikal lajak” yang telah menjadi tumpuan rakyat Malaysia pada tahun 2022, dan calon diminta membincangkan dan mencadangkan cara-cara untuk membendung kejadian sedemikian. Soalan ini telah menjadi pilihan ramai calon dan ini menunjukkan kepekaan mereka terhadap isu sosial ini.

Kandungan karangan perlu memfokuskan kepada cara untuk mengawal kemalangan lalu lintas yang disebabkan oleh aktiviti lumrah haram “basikal lajak”. Langkah-langkah yang boleh diambil termasuk:

1. Menggubal dan menyemak semula undang-undang lalu lintas yang berkaitan;
2. Pihak polis dan agensi penguatkuasa mesti aktif dalam rondaan dan mengambil tindakan yang sewajarnya;
3. Mengambil tindakan terhadap peniaga yang mengubah suai basikal lajak;
4. Ibu bapa dan sekolah perlu memberikan nasihat dan pendidikan dan lain-lain.

Pada keseluruhannya, calon dapat menerangkan ciri-ciri basikal lajak dan mengetengahkan cara-cara membendung fenomena ini.

### **Soalan 2**

Pada keseluruhannya, prestasi calon-calon bagi soalan ini adalah memuaskan, mereka dapat memberi pendapat yang bernalas dan menyeluruh. Terdapat calon yang dapat mengaplikasikan pengetahuan ekonomi mereka dalam menjawab soalan ini. Kandungan karangan perlu memberikan pandangan mengenai fenomena peningkatan harga makanan dan produk di negara kita, serta masalah inflasi yang semakin serius. Aspek yang boleh dibincangkan termasuk:

1. Sebab-sebab berlakunya masalah inflasi – Faktor-faktor seperti penularan wabak COVID-19 yang berleluasa dan peperangan telah menyebabkan kekurangan makanan, bahan mentah, serta masalah pengangkutan. Semua ini membawa kepada ketidakstabilan bekalan dan seterusnya meningkatkan kos barang.
2. Fenomena inflasi – Kenaikan harga adalah fenomena global yang turut melibatkan seluruh dunia. Negara-negara dunia ketiga dan negara miskin menghadapi krisis kelangsungan hidup, manakala rakyat berdepan tekanan inflasi dalam kehidupan harian.
3. Langkah-langkah penyelesaian – Negara-negara perlu meningkatkan kerjasama dalam pengangkutan barang, bank pusat melaksanakan kawalan makroekonomi, serta penekanan terhadap pengeluaran pertanian domestik bagi mencapai tahap sara diri secara beransur-ansur. Selain itu, perlu juga diteruskan penyelidikan dan pembangunan teknologi tinggi untuk meningkatkan pengeluaran makanan dan produk pada masa depan.

### **Soalan 3**

Tugasan soalan ini ialah menulis sebuah prosa yang berelemen naratif dan sentimental (meluahkan perasaan penulis) dengan ayat permulaan eseai yang berkenaan dengan lawatan nenek yang tua ke rumah kondominium anaknya yang berada di bandar, dan nenek menghadapi masalah penyesuaian kehidupan di bandar. Calon yang memilih tajuk ini perlu menghasilkan cerita yang munasabah atau menceritakan pengalaman dan meluahkan perasaan dengan nilai-nilai positif.

Kandungan karangan perlu fokus kepada isu-isu kehidupan warga tua yang berpindah dari desa ke bandar seperti masalah kehidupan, perasaan asing dan kesunyian, kesukaran menyesuaikan diri dengan kepentasan rentak kehidupan bandar, serta situasi kehidupan ahli keluarga di bandar yang terikat dengan rutin hidup yang sibuk dan tekanan kerja. Prestasi calon agak memuaskan, walau bagaimanapun ramai calon tidak dapat memaparkan gaya penulisan yang bercirikan sastera.

### **Soalan 4**

Tajuk eseai ialah “Terdapat pepatah popular dalam masyarakat Cina Malaysia bahawa ‘Walaupun dalam kesempitan, pendidikan tidak boleh diabaikan’”. Calon dikehendaki menghuraikan fenomena ini dan memberi pendapat mereka sendiri. Pelajar tidak dapat menguasai soalan eseai ini dengan baik. Hal ini demikian kerana calon tidak dapat menguasai latar belakang dan maksud sebenar pepatah tersebut, dan hanya mengetengahkan hujah mengenai kepentingan pendidikan secara umum.

Fokus perbincangan tajuk ini boleh merangkumi betapa pentingnya pendidikan bagi anak-anak dalam masyarakat Cina, termasuk kelas tambahan, aktiviti kokurikulum, dan latihan bakat seperti muzik atau seni. Terdapat juga mentaliti umum untuk melihat anak-anak mencapai kejayaan, gaya keibubapaan “*tiger mom*”, serta menghantar anak ke sekolah antarabangsa bagi membolehkan mereka melanjutkan pelajaran di luar negara.

Di samping itu, cadangan yang sesuai untuk fenomena ini boleh diketengahkan, seperti pendekatan pendidikan mengikut kebolehan anak, mengelakkan tekanan berlebihan terhadap anak-anak, serta memastikan latihan yang diberikan sesuai dan benar-benar memahami makna sebenar “tidak menyusahkan anak-anak”.

## **BAHAGIAN B: Sejarah Kesusastraan Moden Cina**

### **Soalan 5**

Soalan wajib. Soalan terbahagi kepada (a),(b),(c),(d),(e) dan (f). Calon diminta memilih 5 soalan ringkas daripada 6 soalan ringkas yang dikemukakan.

Jawapan yang betul adalah berikut:

- (a) (iii) Rumput Liar (《野草》)
- (b) Persatuan Kreatif (创造社)
- (c) Xiangxi (湘西)
- (d) Legenda (《传奇》)
- (e) Drama Pentas / Teater (话剧)
- (f) Diri / Identiti (自我)

Prestasi calon terhadap soalan-soalan ringkas adalah tidak memuaskan. Kebanyakan calon tidak dapat jawab, dan banyak soalan ringkas dijawab dengan salah. Jawapan yang diberikan oleh calon mencerminkan bahawa mereka tidak mempunyai pengetahuan asas yang mencukupi terhadap sejarah kesusasteraan moden Cina.

### **Soalan 6(a)**

Kehendak soalan ini ialah menganaliskan pemikiran dan ciri kesenian bagi cerpen masalah sosial *Bingxin*.

Kandungan jawapan adalah termasuk:

1. Dengan penuh minat untuk menyelidiki makna kehidupan, tapi hanya mengemukakan persoalan tanpa memberi cara penyelesaian.
2. Novel ini berpusat pada falsafah cinta (愛的哲學).
3. Ciri kesenian: nada penulisan yang lembut dan mesra, dengan sedikit kesedihan, menggunakan pendekatan yang tersirat, bahasa yang segar dan indah dan lain-lain.

Ramai calon tidak dapat menghuraikan soalan ini dengan baik.

### **Soalan 6(b)**

Soalan popular calon. Tugasan soalan ini ialah menganalisa novel Bajin yang berjudul "Rumah" (家). Sesetengah calon dapat menjawab dengan memuaskan.

Kandungan jawapan adalah termasuk:

1. Menggambarkan kejatuhan keluarga besar feudal.
2. Menggambarkan keluarga tradisional Cina lama yang tipikal – keluarga Gao.

### **Soalan 6(c)**

Tugasan soalan ini ialah menganalisa kandungan dan teknik serta bentuk puisi Zang Kejia. Soalan ini adalah kurang popular di kalangan calon. Pada keseluruhan, prestasi calon bagi soalan 6 tidak memuaskan, kerana mereka tidak dapat menguasai pengetahuan tentang topik ini.

Kandungan jawapan bagi soalan ini adalah termasuk:

1. Tema  
Antologi puisi *Tanda Bakar* oleh Zang Kejia memberi tumpuan kepada kehidupan di kampung/derita para petani serta semangat ketabahan mereka. Puisi *Pelarian dan Malam di Kampung* menggambarkan suasana pedih dan muram akibat keruntuhan ekonomi kampung yang tidak stabil. Dalam puisi *Kuda Tua*, kuda tua melambangkan para petani Cina yang menanggung penderitaan berat.
2. Teknik dan Bentuk  
Dipengaruhi oleh puisi klasik Cina dan prinsip sajak berirama baru oleh Wen Yiduo. Fokus utama adalah pada kreativiti dan penciptaan kata-kata, serta lain-lain.

## **BAHAGIAN C: Pilihan Teks Sastera Cina Moden**

### **Soalan 7**

Soalan 7 (Soalan wajib) merupakan soalan isi tempat kosong atau respons terhad yang betul. Calon dikehendaki menjawab soalan berdasar teks pilihan bahasa Cina Moden yang telah dipilih mengikut sukanan pelajaran bahasa Cina. Calon dapat menjawab soalan tersebut sekiranya membuat persediaan yang cukup dan dapat menguasai kandungan teks dengan baik. Secara keseluruhan, prestasi calon dalam menjawab soalan teks pilihan bahasa Cina Moden adalah sederhana. Jawapan yang betul adalah berikut:

- (a) Rama-rama (蛱蝶)
- (b) Keberanian (有勇)
- (c) *Kuang fu* (匡复)
- (d) Mata (眸子)
- (e) Bulu mata (眼睫毛)

### **Soalan 8(a)**

Calon dikehendak menganalisis sebab-sebab Zheng Liangshu berpendapat bahawa bangsa Cina merupakan bangsa yang mencintai gunung dalam karya prosa beliau. Secara keseluruhannya, soalan ini menjadi pilihan calon dan prestasi calon adalah sangat memuaskan, calon dapat menghuraikan soalan ini dengan memetik kandungan teks.

Kandungan tugas ini merangkumi: Zheng Liangshu berpendapat bahawa sejak zaman dahulu, bangsa Cina mencintai gunung, tetapi takut kepada air, sungai, dan laut. Mendaki Gunung Tai memerlukan empat jam untuk mendaki dan juga empat jam untuk turun, sungguhpun ia sangat sukar, namun orang yang mendaki tetap ramai seperti ikan yang melintas sungai. Terutamanya, golongan tua seolah-olah lebih ramai berbanding golongan muda, ini menunjukkan bahawa bangsa Cina sangat mencintai gunung.

### **Soalan 8(b)**

Tugasan soalan ini ialah menganaliskan bagaimana Pan Yutong mengisahkan watak utama dalam novel “*Fenlie*”(Berasingan) merindui keluarganya di tanah asing. Secara keseluruhannya prestasi calon adalah memuaskan.

Kandungan tugas ini merangkumi: Watak utama novel “*Fenlie*” Xu Shenxing telah membuka radio dan mendengar sebuah program perbincangan yang menyebutkan bahawa sebuah organisasi kebajikan telah menemukan seorang lelaki Asia berkulit kuning yang pengsan di bawah sebuah patung. Dia telah dibawa ke hospital untuk rawatan, dan didapati bahawa dalam begnya terdapat hampir sepuluh ribu yuan, serta beberapa syiling perak oriental. Setiap syiling perak itu berkilau, penuh dengan jejak tangan, seolah-olah akibat sentuhan berpanjangan. Xu Shenxing teringat ketika dia meninggalkan kampung halamannya untuk belajar di luar negara, keluarganya juga memberikan beberapa syiling perak kepadanya.

### Soalan 8 (c)

Prestasi calon dalam menjawab soalan ini adalah memuaskan. Soalan 8(c) adalah soalan eseai yang berkenaan dengan novel Bai Xianyong. Tugas soalan ialah menganalisa mengapa Rumah Agam Baru Yin Xueyan dapat menarik ramai kawan baru dan lama. Pada keseluruhan, prestasi markah bagi calon adalah memuaskan dengan memberikan contoh-contoh yang menyokong komen-komen mereka.

Kandungan tugas ini merangkumi: Rumah Agam Baru Yin Xueyan telah menjadi tempat pencarian kesenangan dan tempat nostalgia bagi "kenalan lama dan baru" dalam kalangan masyarakat kelas atas. "Seolah-olah Yin Xueyan adalah simbol abadi era *Palais de Chine* di Shanghai dan bukti kemewahan Shanghai. Yin Xueyan juga telah mengusahakan kediaman barunya dengan teliti, dan memberi layanan yang istimewa kepada "kenalan lama dan baru".

Secara keseluruhannya, perkataan-perkataan yang sering berlaku kesilapan menulis oleh calon adalah seperti berikut:

错别字 (kesilapan)	正确的字 (perkataan yang betul)	错别字 (kesilapan)	正确的字 (perkataan yang betul)
作崇	作祟	杀鸡敬猴	杀鸡儆猴
由其	尤其	上樑不正	上梁不正
辩认	辨认	耳濡目染	耳濡目染
猖绝	猖獗	众失之的	众矢之的
协手	携手	立急	立即
怂勇	怂恿	严厉	严厉
严惩	严惩	既使	即使
揭尽	竭尽	灌疏	灌输
宣然大波	轩然大波	巡逻	巡逻
幸运	幸运	由其	尤其
防佛	仿佛	给于	给予





# *Laporan Peperiksaan*

# **STPM 2023**



**Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.** (89120-H)



**Majlis Peperiksaan Malaysia**

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-6126 1600 Faks: 03-6136 1488  
E-mel: ppa[at]mpm.edu.my